

Jiwa kacau rupanya

13 Mei 2022

**LELAKI LARIKAN MURID SEKOLAH DITANGKAP POLIS**

# Jiwa kacau rupanya

Oleh Mary Victoria Dass  
am@hmetro.com.my

**Pasir Gudang**

**P**olis menahan seorang pesakit mental yang melarikan kanak-kanak lelaki tujuh tahun di hadapan sebuah restoran makanan segera di Taman Kota Masai, kelmarin.

Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, penahanan lelaki berusia 20-an itu selepas pihaknya menerima maklumat awam mengenai kejadian pada jam 11.30 pagi.

Katanya, ketika kejadian, suspek yang menunggang motosikal dikatakan mendekati kanak-kanak itu yang sedang berjalan dari Sekolah Agama Taman Scientex.

"Suspek didakwa mempelawa mangsa menumpang motosikalnya sebelum kejadian disedari orang awam yang kemudian menahan suspek serta memaklumkan kepada pihak polis.

"Anggota ronda cegah jenayah tiba ke lokasi dan menangkap suspek untuk tindakan lanjut. Motosikal jenis Honda Dash turut dirampas.

"Siasatan awal mendapati suspek pemegang kad orang kurang upaya (OKU) mental dan hasil saringan air kencing mendapati suspek positif dadah jenis methamphetamine," katanya di sini, kelmarin.

Menurutnya, suspek juga adalah individu dikehendaki polis bagi bagi siasatan kes mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya

**1952.**

Katanya, bagi kes berkenaan suspek disiasat mengikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, kejadian itu tular di media sosial menunjukkan seorang lelaki memakai kemeja-T lengan panjang putih dan berseluar panjang berlari sambil mendukung kanak-kanak dipercayai untuk dilarikan di Taman Kota Masai di sini.

Bagaimanapun orang ramai yang menyaksikan perbuatan lelaki itu sempat menghalang dan menangkapnya sebelum menghubungi polis untuk tindakan lanjut.

**CUBAAN** suspek membawa lari kanak-kanak di hadapan restoran makanan segera di Taman Kota Masai.



**“Suspek didakwa mempelawa mangsa menumpang motosikalnya”**  
Kamarul

SUSPEK ditahan anggota ronda cegah jenayah yang bertugas.